

21/1 SEJARAH Kertas 1 Masa : 1 jam 15 minit
---------------------------------------------------------

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2009**

---

---

**SEJARAH**

**Kertas 1**

Satu jam lima belas minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan objektif*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat kemudian hitamkan pilihan anda yang baru.*

---

**Kertas soalan ini mengandungi 24 halaman bercetak**

@PKPSM Pahang

Lihat sebelah


Sumber X	Buku Jurnal Ensaiklopedia Akhbar Risalah
-------------	------------------------------------------------------

- 1 Apakah X ?
- A Lisan
  - B Bertulis
  - C **Kedua**
  - D Ketiga
- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan Zaman Neolitik.

Zaman Neolitik di Malaysia bermula kira-kira 7000 tahun dahulu.

Pernyataan yang berkaitan Zaman Neolitik ialah

- A Menangkap ikan di laut dalam
  - B Tinggal di kawasan tepi laut
  - C **Mengamalkan aktiviti bercucuk tanam**
  - D Menghasilkan alat logam dan besi
- 3 Gambar menunjukkan penemuan bahan sejarah Malaysia yang terkenal.



Keistimewaan penemuan zaman prasejarah ialah

- A Rangka berbentuk perahu
- B Rangka ditanam dengan peralatan logam
- C Rangka bersaiz besar
- D **Rangka unik dengan kecacatan**

4 Apakah ciri persamaan.antara kedua-dua kerajaan awal berikut ?

- |                                                                                                 |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Chih Tu</li> <li>• Kerajaan champa</li> </ul> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------|

- A **Menerima pengaruh Hindu**  
 B Menjadi negeri naungan Siam  
 C Menjalankan kegiatan perlombongan  
 D Mengamalkan sistem pemerintahan China
- 5 Rajah merujuk kepada peranan Temenggung dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

	Ketua Polis dan penjara
Temenggung	Hakim di darat
	X

- Apakah X?
- A Mengetuai utusan  
 B Protokol istana  
 C Menteri Utama  
 D Pemungut hasil
- 6 Rajah merujuk kepada peranan kawasan serantau.kepada Melaka.

Kawasan	Peranan
Jawa	Membekal beras,makanan. dan rempah
X	Membekal lada hitam.beras dan emas


- X merujuk kepada
- A Siam  
 B Siak  
 C Pasai  
 D Kampar
- 7 Kedatangan agama Islam ke Melaka. dikaitkan.dengan
- I Kegiatan.mubaligh Arab  
 II Aktiviti perdagangan  
 III Perkahwinan  
 IV Pembinaan empayar
- A **I, II dan III**  
 B I, II dan IV  
 C I, III dan IV  
 D II, III dan IV

- 8 Rajah menunjukkan perluasan kuasa di Melaka pada kurun.ke-15.

Sultan Muzaffar Shah	Aspek perbandingan	Sultan Mansor Shah
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalin hubungan diplomatik dengan China</li> <li>• Menyelesaikan perbalahan orang Melayu dengan orang India-Muslim</li> </ul>	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menguasai Bernam dan Perak</li> <li>• Menghalang Pahang, Kampar.dan.Inderagiri membebaskan diri dari Melaka</li> </ul>

Apakah nilai yang boleh.dicontohi.daripada tokoh.tersebut?


- A Kebijaksanaan  
 B Berwibawa  
 C Taat setia  
 D Bertindak bijak
- 9 Gambar menunjukkan senjata yang digunakan oleh Portugis semasa menyerang Melaka..



Apakah kelebihan senjata tersebut?


- A Boleh menembak dari jarak yang lebih jauh  
 B Belum pernah digunakan kuasa lain  
 C Dihasilkan oleh orang Portugis sendiri  
 D Ringan dan mudah dikendalikan

10 Peta menunjukkan jajahan takluk Aceh.



Apakah kesimpulan yang dapat dibuat apabila Aceh muncul sebagai sebuah kuasa politik dan ekonomi yang kuat pada kurun ke-17?

- A Penguasaan Selat Melaka
  - B Penguasaan Semenanjung Tanah Melayu
  - C Kemajuan perdagangan antarabangsa
  - D Perkembangan bidang persuratan
- 11 Karya-karya yang dihasilkan pada zaman kegemilangan kerajaan Johor ialah
- 1 Hikayat Siak
  - 11 Sejarah Bugis
  - 111 Sejarah Melayu
  - 1V Hikayat Hang Tuah
- A 1 dan 11
  - B 1 dan 1V
  - C 11 dan 111
  - D 111 dan 1V



12 Apakah X ?

- A. Peluasan kuasa
- B. Tentera upahan berpaling tadah
- C. Sabotaj daripada pedagang asing
- D. **Pengaruh Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC)**

13 Pernyataan berikut mengenai perkembangan di Kelantan.

Selepas Long Yunus mangkat pada tahun 1794, perang saudara telah meletus di Kelantan.

Antara berikut yang manakah boleh dikaitkan dengan Long Yunus?

- A. Pernah menjadi raja Kelantan
- B. Merupakan putera kepada Long Muhammad
- C. Mengetuai serangan ke atas Terengganu pada tahun 1794
- D. Memindahkan ibu kota dari Kota Kubang Labu ke Kota Bharu

- A. I dan II
- B. **I dan IV**
- C. II dan III
- D. III dan IV

Adat menjunjung duli

14 Apakah kepentingan adat tersebut dalam masyarakat Melayu tradisional ?

- A. Melambangkan kedaulatan raja
- B. Memperjelaskan bidang tugas para pembesar
- C. Mengeratkan silatrrahim kerabat diraja
- D. **Tanda hormat dan taat pembesar kepada raja**

- 15 Tarian Ngajat yang terkenal dalam masyarakat Iban dipersembahkan sebagai lambang kesyukuran
- A **setelah selesai menuai padi**
  - B setelah pulang dari pelayaran
  - C setelah selesai mendirikan rumah
  - D setelah berjaya mengalahkan musuh
16. Amalan sosiobudaya masyarakat di Sabah dipengaruhi oleh faktor
- A pekerjaan
  - B pendidikan
  - C kepercayaan
  - D **keadaan sekeliling**
- 17 Dialog merujuk. keadaan di Kedah pada tahun 1770.


Kerabat diraja: Pelantikan sultan melanggar perlembagaan negeri.  
Raja Haji : Tentera Bugis boleh membantu menentang Sultan.

- Apakah yang menyebabkan kerabat diraja Kedah berpakat dengan Bugis?
- A Perebutan kuasa
  - B Pembunuhan orang Bugis
  - C **Pelantikan Tuanku Abdullah yang bukan anak gahara**
  - D Pelantikan Tunku Abdullah sebagai Sultan Kedah
- 18 Maklumat berkaitan hubungan Kedah dengan Syarikat Hindia Timur (SHTI).

Pada tahun 1791, Sultan Kedah cuba mengambil kembali Pulau Pinang daripada SHTI secara kekerasan.

- Apakah kesan daripada tindakan Sultan Kedah tersebut?
- A Inggeris kehilangan pelabuhan
  - B Inggeris menawan Kuala Kedah.
  - C Inggeris mengadakan sekatan ke atas Kedah.
  - D **Inggeris mengambil Seberang Perai sebagai wilayahnya**

- 19 Peta menunjukkan pembahagian pengaruh kuasa Barat di Kepulauan Melayu pada tahun 1824.



- Apakah syarat perjanjian tersebut?
- I Belanda menyerahkan Melaka kepada British  
 11 British menyerahkan Betawi kepada Belanda  
 111 Belanda mengiktiraf petempatan British di Singapura  
 IV British berjanji tidak akan membuka petempatan baru ke selatan Singapura
- A 1, 11 dan 111  
 B I, 11 dan 1V  
 C 1, 111 dan 1V  
 D 11, 111 dan 1V
- 20 Jadual menunjukkan sistem pentadbiran yang diperkenalkan British di negeri-negeri Melayu.

Tahun	Pentadbiran
1874	Sistem Residen
1895	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

- Apakah kesan pengenalan sistem tersebut?
- A Mencabar kuasa sultan  
 B Melicinkan pentadbiran  
 C Menjamin perpaduan rakyat  
 D Mengukuh kedaulatan negeri

- 21 Maklumat di bawah berkaitan desakan Sultan Idris dalam Durbar yang kedua.

- ◆Residen Jeneral terlalu berkuasa
- ◆Kuasa raja-raja berkurangan

Apakah kesan daripada desakan tersebut?

- A Mengusir British keluar dari Tanah Melayu
- B Memperkenalkan Majlis Mesyuarat Persekutuan 1909
- C British tetap menguasai semua urusan pentadbiran di Tanah Melayu
- D British menyerahkan semua kuasa mentadbir di Tanah Melayu

Lembaga Penasihat Johor menasihati Sultan Johor supaya meminjam 200 000 dolar daripada Negeri-Negeri Selat untuk membina landasan kereta api dari Johor ke Singapura.

- 22 Mengapakah Dato' Abdul Rahman Andak tidak bersetuju dengan cadangan lembaga itu?

- A Muslihat British untuk menguasai Johor
- B Pembinaan tidak mendatangkan manfaat
- C Pembinaan menelan perbelanjaan yang tinggi
- D Muslihat British untuk menguasai kewangan Johor

- 23 Apakah perubahan yang dilakukan oleh Penasihat British di Negeri-Negeri Melayu Utara selepas tahun 1909?

- 1 Penubuhan jabatan kerajaan
- II Pegawai British mengetuai jabatan kerajaan
- 111 Penggubalan perlembagaan negeri
- 1V Penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri

- A 1 dan 11
- B 1 dan 1V
- C 11 dan 111
- D 111 dan 1V

**Kelemahan Sistem Residen**

- ◆Pentadbiran tidak seragam
- ◆Undang-undang tidak selaras
- ◆Tiada panduan menjalankan tugas

24. Bagaimanakah British mengatasi kelemahan sistem pentadbiran tersebut?
- A Mewujudkan Durbar
  - B Mengembalikan kuasa sultan
  - C Menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri
  - D Membentuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

**Perlembagaan Sarawak 1941**

25. Apakah saranan utama Perlembagaan Sarawak 1941?
- A Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British
  - B Penyerahan semula Sarawak kepada Kesultanan Sulu
  - C Penyerahan Sarawak kepada Kesultanan Brunei
  - D Pemberian kuasa pemerintahan kepada rakyat Sarawak
26. Senarai merujuk kepada bandar di Sabah.

- ◆Api-Api
- ◆Singga Mata
- ◆Diasuka

- A Bandar tersebut juga dikenali dengan nama Kudat
- B Tawau
- C Sandakan
- D Jesselton.

- Ketua Anak Negeri
- Ketua Kampung

27. SBUB melibatkan pemimpin peribumi Sabah dalam pentadbiran kerana mereka
- A menerima pendidikan tinggi
  - B mahu bekerjasama dengan Inggeris
  - C memahami sistem pentadbiran Barat
  - D memahami adat dan budaya masyarakat tempatan

28 Maklumat merujuk kepada pengumpulan hasil hutan.

- ◆ Hasil hutan
- ◆ Rotan
- ◆ Madu lebah
- ◆ Kapur barus

Dalam masyarakat Melayu tradisional, kegiatan pengumpulan hasil hutan tersebut turut dikenali sebagai

- A meramu
- B mendulang
- C melampan
- D melonggok

- ◆ Rancangan Sekatan Stevenson
- ◆ Perjanjian Peraturan Getah Antarabangsa

29 Apakah matlamat utama kedua-dua rancangan tersebut diadakan?

- A Menstabilkan harga getah
- B Meningkatkan mutu getah
- C Meningkatkan pengeluaran getah
- D Menyekat perkembangan getah tiruan

30 Jadual merujuk kepada pejuang tanah air yang berusaha menghalau penjajah Barat?

- ◆ Sultan Ahmad Tajudin
- ◆ Dol Said
- ◆ Rentap
- ◆ Tok Janggut
- ◆ Dato' Bahaman

Apakah semangat yang dimiliki oleh pejuang-pejuang tanah air tersebut?

- I Kepemimpinan berkarisma
- 11 Kejituan iltizam perjuangan
- 111 Kedaulatan hak dan kewibawaan bangsa
- 1V Kebijaksanaan dalam menjalinkan hubungan

- A 1 dan 11
- B 1 dan 1V
- C 11 dan 111
- D 111 dan 1V

- 31 Apakah muslihat pihak British memaksa Sultan Wan Ahmad mengetuai Gerakan Sultan pada Januari 1892?
- A Mengusir Dato' Bahaman dari Pahang  
 B Mengambil alih pentadbiran Pahang  
 C Meluaskan pengaruh British di Pahang  
 D Menamatkan kebangkitan rakyat Pahang


Tokoh	Peristiwa
X	*Menyerang kubu James Brooke di Naga Skrang *Membunuh Allan Lee

- 32 Berdasarkan maklumat di atas, X ialah
- A Asun  
 B Rentap  
 C Banting  
 D Sharif Masahor
- 32 Apakah strategi yang digunakan oleh Rentap dalam peperangan menentang Charles Brooke pada tahun 1857 ?
- 1 Membina kubu di kawasan tinggi  
 11 Memiliki tentera yang terlatih  
 111 Menggunakan meriam Bujang Sadok  
 1V Menggunakan kayu belian sebagai benteng
- A 1 dan 11  
 B 1 dan 1V  
 C 11 dan 111  
 D 111 dan 1V
- 33 Pernyataan yang menerangkan maksud semangat kebangsaan ialah.....
- A semangat menentang kuasa British  
 B semangat perjuangan yang tinggi menentang British  
 C semangat cinta akan bangsa dan tanah air  
 D semangat membentuk masa depan bangsa dan negara

- 34 Jadual merujuk kepada persidangan yang telah diadakan di Tanah Melayu.sebelum Perang Dunia Kedua.

Persidangan	Penganjur
Persidangan Kebangsaan	◆Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM)
Kongres Melayu Se-Tanah Melayu	◆Kesatuan Melayu Singapura (KMS) ◆Persatuan Melayu Selangor (PMS)

- Apakah persamaan matlamat persidangan tersebut?
- A Membentuk perpaduan  
B Menuntut kemerdekaan  
C Mengeratkan perpaduan  
D Mempertahankan institusi beraja
- 35 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan pentadbiran Jepun di negara kita pada peringkat awal?
- I Tanah Melayu dan Borneo digabungkan  
11 Tanah Melayu dan Singapura digabungkan  
111 Pentadbiran Pusat diketuai Pengarah Agung  
1V Negeri-Negeri Melayu Utara diserahkan kepada Thailand
- A 1 dan 11  
B 1 dan 1V  
C 11 dan 111  
D 111 dan 1V
- 36 Rajah menunjukkan dasar ekonomi Jepun di Tanah Melayu.



- Apakah kesan dasar tersebut terhadap Tanah Melayu?
- A Kemerosotan ekonomi  
B Peningkatan taraf hidup  
C Pembukaan lombong baru  
D Kemunculan usahawan tempatan
- 37 Maklumat di bawah merujuk kepada barangan yang dihasilkan pada zaman pendudukan Jepun

- ◆Lori dan kereta berkuasa wap menggunakan arang
- ◆Bahan api daripada susu getah
- ◆Kain daripada benang nanas

Maklumat merujuk kepada

- A cara-cara menambah pendapatan
- B industri baru berasaskan sumber tempatan
- C kraf tangan yang dilakukan pada masa lapang
- D kemahiran menggunakan bahan terbuang

38 Maklumat merujuk kepada sejarah perkembangan politik di Tanah Melayu

Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) telah mengambil alih balai polis di Tanah Melayu selepas tentera Jepun menyerah kalah

Mengapakah situasi tersebut berlaku?

- A Mengamankan sosioekonomi di Tanah Melayu
- B Menghapuskan pentadbiran British
- C Menegakkan undang-undang sendiri
- D Bekerjasama dengan rakyat tempatan


39 Jadual merujuk kepada suatu peristiwa di Tanah Melayu.

Tahun	Tempat	Peristiwa
1946	Kelantan	10 000 orang menunjuk perasaan
1946	Rembau	50 000 orang berdemonstrasi

Apakah yang menyebabkan peristiwa tersebut berlaku?

- A Keganasan Bintang Tiga
- B Kekalahan tentera Jepun terhadap tentera Berikat
- C Penentangan terhadap Malayan Union
- D Penentangan terhadap penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

40 Rajah menunjukkan kesan Malayan Union terhadap kedudukan Raja Melayu



Apakah bukti yang menunjukkan kesan tersebut?

- A Penyebaran agama Kristian
- B Peningkatan kuasa pembesar
- C Penubuhan Majlis Raja Melayu
- D Pungutan zakat di bawah Gabenor

- 41 Jadual merujuk pejuang wanita dalam gerakan di Tanah Melayu.

Tahun	Gerakan	Pejuang Wanita
1946	Malayan Union	◆Halimaton Majid ◆Datin Puteh Mariah
1946	Gerakan Anti-PenyERAhan	◆Cikgu Lily Eberwein ◆Cikgu Ajibah Abol

Apakah nilai yang boleh dikaitkan dengan perjuangan wanita tersebut?

- A Memelihara kepentingan sendiri
  - B Mempelopori pendidikan wanita
  - C Mempunyai semangat kebangsaan
  - D Meningkatkan kedudukan orang Melayu
- 42 Dialog berikut mungkin berlaku pada tahun 1946.

Dato' Onn Jaafar: Apa kata kita membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu?  
Ahli UMNO : Kita belum bersedia untuk melakukan perkara itu.

Apakah tujuan cadangan beliau?

- A Mengukuhkan UMNO
- B Memupuk perpaduan kaum
- C Menggagalkan Malayan Union
- D Mengamalkan unsur demokrasi

“ Bersatu teguh bercerai roboh ”

- 43 Cogan kata di atas dapat dikaitkan dengan perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union.

Apakah langkah yang berkesan bagi memaksa British menarik balik Malayan Union ?


- A Bekerjasama untuk menjamin keharmonian hidup
- B Merapatkan hubungan dengan kaum-kaum lain
- C Bersatu padu di bawah satu pertubuhan politik
- D Mendapatkan kerjasama Barat

- 44 Gambar di bawah merujuk kepada tindakan pengganas komunis pada tahun 1948.



Mengapakah mereka bertindak sedemikian?

- I Menamatkan Malayan Union
  - II Melumpuhkan ekonomi negara
  - 111 Menubuhkan kerajaan republik
  - 1V Menentang pentadbiran Jepun
- A 1 dan 11
  - B 1 dan 1V
  - C 11 dan 111
  - D 111 dan 1V
- 45 Rajah menunjukkan peranan Min Yuen kepada Parti Komunis Malaya (PKM).



Apakah X ?

- A Melatih anggota baru
- B Membekalkan senjata
- C Mendapatkan maklumat
- D Mengatur strategi perjuangan


Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ( CLC ) mencadangkan syarat kerakyatan golongan imigran dilonggarkan

46. Apakah matlamat cadangan tersebut ?
- A Memajukan ekonomi negara
  - B Mengelakkan pengaruh komunis
  - C Meningkatkan jumlah penduduk
  - D Menggalakkan kemasukan imigran

- ◆ Anggota komunis yang menyerah diri tidak dihukum.
- ◆ Mereka yang taat setia dan ikhlas kepada negara dibenarkan hidup bebas sebagai rakyat biasa

47. Mengapakah kerajaan berbuat demikian?
- A Menjamin keselamatan negara
  - B Mengurangkan ketegangan kaum
  - C Mengurangkan kesengsaraan rakyat
  - D Mengurangkan perbelanjaan pertahanan

48. Garis masa berikut menerangkan laporan pelajaran di Tanah Melayu.



Mengapakah laporan tersebut diperkenalkan?

- A Menyebarkan ideologi parti
- B Mempamerkan identiti kaum
- C Memperkaya budaya bangsa
- D Melahirkan semangat perpaduan

Kaum	Tokoh
Melayu	Tunku Abdul Rahman
Cina	X
India	Tun V.T. Sambanthan

49. Tokoh-tokoh tersebut penting dalam memperjuangkan perpaduan kaum di Tanah Melayu.

Tokoh X ialah

- A William Tan
- B Tun H.S.Lee
- C Dr Lee Tiang Keng
- D Datuk Ong Kee Hui

\* Kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu diakui  
 \* Penguasaan British ke atas Negeri-Negeri Selat terbatal

50. Perkara-perkara di atas terkandung dalam

- A Perjanjian London
- B Perjanjian Merdeka
- C Perlembagaan Malaysia
- D Pemasyhuran Kemerdekaan


51. Dialog berikut mungkin berlaku dalam kalangan anggota Suruhanjaya Reid.

Abu : Bahasa Cina dan Bahasa Tamil tidak boleh digunakan di Parlimen  
 Ah Chong : Begitu juga di Dewan Undangan Negeri

Apakah pindaan yang telah dibuat apabila cadangan itu ditolak?

- A Sebagai bahasa pengantar di sekolah umum
- B Dibenarkan penggunaannya pada upacara tertentu
- C Diharamkan penggunaannya di sekolah
- D Sebagai bahasa pengantar di sekolah masing-masing

- 52 Rajah menunjukkan bahawa **X** telah ditubuhkan sebagai tukar ganti kepada kelonggaran syarat kerakyatan pada tahun 1951.



Apakah **X**?

- A MRLA
- B MIDA
- C LKIM
- D RIDA

53

Ini merupakan hadiah istimewa bagi kita. Perjuangan kita telah terhasil melalui cara yang unik.  
Petikan kata-kata Tunku Abdul Rahman

Apakah hadiah yang dimaksudkan oleh Tunku ?

- A Penubuhan Parti Perikatan
- B Pembebasan negara daripada penjajahan
- C Persetujuan British menerima Rombongan London
- D Pembentukan sistem pemerintahan berperlembagaan

<b>Kerajaan British</b>	
Disember 1946	Notis Pekeling No.9


- 54 Langkah tersebut diambil kerana
- A Berlakunya rusuhan besar-besaran
  - B Pembunuhan Sir Duncan Stewart
  - C Penglibatan kaki tangan kerajaan dalam Gerakan Antipenyarahan
  - D Berlakunya ketegangan kaum

Pertubuhan di Sarawak
◆ Barisan Pemuda Sarawak (BPS) ◆ Persatuan Dayak Sarawak (PDS) ◆ Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS)

- 55 Pertubuhan tersebut telah ditubuhkan pada awal abad ke-20  
Apakah matlamat perjuangan pertubuhan di atas?
- A Mengatasi ancaman komunis
  - B Memperjuangkan perpaduan kaum
  - C Memperbaiki keadaan sosiopolitik
  - D Menentang penyerahan negeri

Pertubuhan yang bercorak sosiopolitik di Sabah hanya aktif hingga menjelang tahun 1951

- 56 Apakah sebab yang mendorong berlakunya keadaan tersebut?
- A Kurang sokongan penduduk tempatan
  - B Sekatan kegiatan politik bumiputera
  - C Perubahan dasar perjuangan
  - D Perubahan pucuk pimpinan



- 57 Masalah keselamatan dan kestabilan negara yang dimaksudkan ialah
- A Masalah komunis
  - B Masalah kewangan
  - C Masalah perundangan
  - D Masalah pentadbiran




Lee Kuan Yew

58. Apakah yang dicanangkan oleh tokoh tersebut dalam Konsep Malaysian Malaysia ?
- A Semua rakyat mempunyai hak yang sama
  - B Keistimewaan cukai daripada kerajaan pusat
  - C Status Singapura sebagai pusat perindustrian
  - D Menyelamatkan Singapura daripada ancaman komunis

Perlembagaan Persekutuan Malaysia mengambil kira  
Tuntutan 20 Perkara Sabah dan Sarawak

59. Tindakan ini mencerminkan
- A semangat setiakawan
  - B semangat kerjasama
  - C semangat kejujuran
  - D semangat toleransi



60 Carta aliran di atas menunjukkan langkah ke arah pembentukan Persekutuan.

**X** ialah

- A Suruhanjaya Cobbold
- B Pilihan raya Persekutuan
- C Referendum Singapura
- D Gabungan parti politik

**KERTAS SOALAN TAMAT**

Lihat sebelah